



Nurul Farizah (tengah) bersama-sama sukarelawan dan penderma bagi program menderma rambut anjuran Pink Ladies di Pusat Perubatan American British Cowdray, Mexico City.

Sukarelawan UMP berbakti di bumi Mexico

BERITA HARIAN CUARA (11)
26 JAN 2017 M/S 9

Mexico City: Pelajar **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Nurul Fazirah Md Naser tidak menyangka pembabitannya bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) memberi peluang kepadanya untuk bertemu dengan sukarelawan seluruh dunia dalam 'International Association For Volunteer Effort' dan '24th IAVE World Volunteer Conference Mexico' di sini, baru-baru ini.

Nurul Fazirah dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM), berkata peluang yang diberikan itu amat bernilai apabila dapat bertemu dengan sukarelawan seluruh dunia.

Beliau berkata, pengalaman menjalankan khidmat sosial (CSR) bersama pertubuhan sukarelawan Pink Ladies di Pusat Perubatan American British Cowdray (ABC), Mexico City bagi menjayakan program

menderma rambut untuk pesakit kanser sangat memberikan kesedaran.

"Pink Ladies bukan sahaja diberi kepercayaan dalam mengurus kebajikan pesakit malahan menjadi tulang belakang pihak hospital dalam menguruskan program CSR, khidmat kaunter pendaftaran dan urusan pelanggan di hospital berkenaan.

"Sukarelawan YSS turut berpeluang bertemu kanak-kanak di rumah kebajikan di Puebla serta berkongsi pengalaman mengenai budaya dan tradisi masyarakat dari negara lain seperti 'Day of Dead' atau 'Dia de Los Muertos' yang dirai penduduk Mexico.

"Kami turut menimba pengalaman bersama lebih 500 belia di bawah umur 28 tahun daripada 21 negara yang mengambil bahagian dalam 8th IAVE World Youth Conference yang diadakan di Centro de Convenciones William O Jen-

kins anjuran AIVE, Centro Mexicano Para la Filantropia (Cemeffi) dan America Mexicana de Volunteriadio (AMEVOL)," katanya.

Memberi nilai tambah
Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwah Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata pihaknya memfokuskan usaha pembangunan mahasiswa melalui aktiviti kesukarelawanan dalam dan luar negara bagi melahirkan pemimpin sukarelawan siswa ke persada dunia.

Katanya, pihak YSS adalah ahli aktif kepada International Association For Volunteer Effort (IAVE) iaitu entiti antarabangsa yang menghimpunkan badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan bukan berteraskan keuntungan, Pusat Sukarelawan Antarabangsa, aktivis sukarelawan dan mereka yang aktif

dalam bidang sukarelawan membabitkan lebih 70 negara seluruh dunia.

"Pertemuan ini memberi peluang pihak universiti mengadakan perbincangan dalam meningkatkan perkembangan aktiviti kesukarelawanan pada peringkat global termasuklah berkaitan tanggungjawab sosial dan bidang kesukarelawanan.

"Penyertaan mahasiswa UMP di luar negara akan dapat memberi peluang untuk memberi nilai tambah dan inovasi dalam menggerakkan aktiviti kesukarelawanan yang berimpak tinggi pada peringkat kebangsaan serta negara," katanya yang turut menyertai program itu.

Program berkenaan turut disertai pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Abdul Hakim Mazeli dan Nur Ismazatul Husna Ismail dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mewakili YSS.

Nurul Farizah (kiri) bersama-sama Abdul Hakim (dua dari kanan), Nur Ismazatul Husna (dua dari kiri) dan Pengerusi YSS, Datuk Zuraidah Atan bertemu dengan Duta Malaysia ke Mexico, Mohamad Azhar Mazlan.

